

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JTW 261/JTW 262/JTW 302 - Prinsip Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan ini terbahagi kepada 3 bahagian.

Bahagian A jawab **SEMUA** soalan di atas **borang OMR**. Bahagian B soalan **WAJIB** dan **Bahagian C** jawab **DUA (2)** soalan sahaja. **Bahagian B** dan **Bahagian C** jawab di atas **buku jawapan** yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll].
Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

BAHAGIAN A [40 markah]

1. Kadar pulangan dalaman ialah _____.
 - A. kadar diskaun yang menghasilkan nilai kini bersih yang positif
 - B. kadar pulangan yang menghasilkan nilai kini bersih yang negatif
 - C. kadar diskaun yang menghasilkan nilai kini aliran tunai masuk bersamaan dengan nilai kini aliran tunai keluar
 - D. kadar diskaun yang menjadikan indeks keberuntungan lebih daripada satu
2. Antara berikut, projek pelaburan manakah yang harus dipilih?
 - A. Projek yang mempunyai kadar pulangan dalaman melebihi Kos Modal Purata Wajaran (WACC).
 - B. Projek yang mempunyai kos hutang selepas cukai melebihi kadar pulangan dalaman.
 - C. Projek yang mempunyai kadar Model Penentuan Harga Asset Modal (CAPM) melebihi Kos Modal Purata Wajaran.
 - D. Projek yang mempunyai indeks keberuntungan kurang daripada 1.
3. Berapakah kos melepas diskaun bagi syarat kredit 3/10 bersih 60?
 - A. 20.6%
 - B. 22.6%
 - C. 23.5%
 - D. 24.2%
4. _____ merupakan hari terakhir bagi pelabur membeli saham untuk mendapatkan dividen. Pelabur tidak layak untuk memperolehi dividen yang diumumkan bagi saham yang dibeli selepas tarikh ini.
 - A. Tarikh pembayaran
 - B. Tarikh pengumuman
 - C. Tarikh rekod
 - D. Tarikh *ex-dividen*
5. Sesebuah firma dikatakan dapat mencapai struktur modal optimum apabila _____.
 - A. kos modal minimum dan nilai firma berada pada tahap maksimum
 - B. kos modal maksimum dan nilai firma berada pada tahap minimum
 - C. kos modal dan nilai firma berada pada tahap maksimum
 - D. kos modal dan nilai firma berada pada tahap minimum

6. Perbelanjaan kos tetap bagi syarikat ABC adalah RM800,000 setahun. Kos bahan mentah seunit adalah RM2.50 dan kos berubah yang lain adalah RM1.50. Jika kuantiti titik pulang modal bagi syarikat ini adalah 160,000 unit, berapakah harga jualan seunit?
- A. RM8.00
 - B. RM9.00
 - C. RM10.00
 - D. RM11.00
7. Antara berikut manakah **BENAR** tentang saham bonus?
- i. Juga dikenali sebagai saham dividen.
 - ii. Merupakan saham baru yang diterbitkan dan diagihkan secara percuma kepada pemegang saham.
 - iii. Penerbitan saham ini melibatkan aliran tunai keluar.
 - iv. Penerbitan saham ini tidak akan menyebabkan perubahan jumlah milikan ekuiti.
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, iii dan iv
8. Sesebuah syarikat akan melakukan belian semula saham biasa (*share repurchase*) apabila _____.
- i. syarikat mempunyai lebih tunai tetapi tiada peluang pelaburan yang baik
 - ii. syarikat berusaha untuk mengelak pengambilalihan dari syarikat lain
 - iii. syarikat merasakan nilai sahamnya terlalu rendah di pasaran dan mengharapkan tindakan pembelian saham akan mencetuskan minat pelabur lain untuk membeli saham syarikat tersebut bagi meningkatkan harga saham
 - iv. syarikat tidak mampu untuk membayar dividen kepada pelabur
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, iii dan iv

9. Andaikan dua pelaburan mempunyai tempoh pelaburan yang sama, kadar diskaun yang lebih tinggi akan memanfaatkan_____.
- A. pelaburan yang mempunyai aliran tunai yang banyak pada permulaan tempoh
 - B. pelaburan yang mempunyai aliran tunai yang banyak pada hujung tempoh
 - C. pelaburan yang mempunyai aliran tunai yang sama
 - D. tiada sebarang perbezaan kerana kedua-dua pelaburan mempunyai tempoh masa yang sama
10. Aktiviti berikut melibatkan proses belanjawan modal **KECUALI**_____.
- A. membeli aset baru untuk menampung penambahan produk
 - B. menggantikan aset tetap yang telah usang
 - C. membeli bahan mentah untuk menghasilkan produk
 - D. perbelanjaan aset untuk membesarkan operasi kilang

Soalan 11 – 13 berdasarkan maklumat di bawah.

Nilai aset A adalah RM105,000. Usia guna aset adalah 10 tahun dan nilai akhir adalah RM5,000. Pada tahun ke-5 penggunaan aset, firma bercadang untuk menjualnya di pasaran pada harga RM60,000. Kadar cukai 30%.

11. Berapakah nilai buku mesin ini?
- A. RM40,000
 - B. RM45,000
 - C. RM50,000
 - D. RM55,000
12. Berapakah jumlah cukai yang akan dikenakan bagi jualan aset ini?
- A. RM1,500
 - B. RM2,400
 - C. RM2,500
 - D. RM3,000

13. Berapakah jumlah cukai yang dikenakan jika mesin tersebut dijual pada harga RM48,000?
- A. Tiada cukai yang perlu dibayar kerana nilai buku aset melebihi nilai pasaran.
 - B. Jumlah cukai yang perlu dibayar adalah RM600.
 - C. Jumlah cukai yang perlu dibayar adalah RM1800.
 - D. Penjimatan cukai sebanyak RM2100.
14. Antara berikut, instrumen manakah menawarkan kadar faedah bebas risiko?
- A. Surat Ara Boleh Niaga
 - B. Penerimaan jurubank
 - C. Bon jangka panjang
 - D. Bil Perbendaharaan Malaysia
15. Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh pengurus kewangan bagi menentukan pelaburan awal sesuatu projek?
- i. Kos-kos pelaburan aset sebelum projek dijalankan
 - ii. Hasil jualan aset
 - iii. Perubahan modal kerja
 - iv. Kos hangus (*sunk costs*)
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
16. Antara berikut, pasangan manakah berhubungan secara langsung atau positif?
- A. Risiko dan kadar hasil
 - B. Kecairan dan kadar hasil
 - C. Kadar faedah dan nilai bon
 - D. Kos modal dan nilai firma
17. Syarat kredit 2/10 bersih 30 bermaksud_____.
- A. diskaun 10% diberikan sebanyak 2 kali dan tempoh kredit adalah 30 hari
 - B. diskaun 10% diberikan jika bayaran dibuat dalam tempoh 2 hari dan tempoh kredit adalah 30 hari
 - C. diskaun 2% diberikan jika bayaran dibuat dalam tempoh 10 hari dan tempoh kredit adalah 30 hari
 - D. diskaun 2% dan 10% diberikan jika bayaran dibuat dalam tempoh 30 hari

18. Keumpulan operasi (*operating leverage*) menunjukkan hubungan antara _____.
- A. jualan dan pendapatan sebelum cukai dan faedah
 - B. untung kasar dan pendapatan sebelum cukai dan faedah
 - C. untung bersih dan pendapatan sebelum cukai dan faedah
 - D. pendapatan sesaham (*earning per share*) dan pendapatan sebelum cukai dan faedah
19. Antara berikut, manakah kos tetap kewangan syarikat?
- A. Belanja faedah hutang dan dividen saham terutama.
 - B. Cukai dan dividen saham biasa.
 - C. Kos operasi syarikat dan belanja faedah hutang.
 - D. Kos barang jualan dan dividen saham biasa.
20. Penentuan kos saham biasa melalui Model Pertumbuhan Gordon (*Gordon growth model*) perlu mengambil kira _____.
- A. nilai beta atau risiko pasaran
 - B. risiko premium
 - C. kadar bebas risiko
 - D. dividen sesaham
21. Bagi menguruskan kitaran tukaran tunai (*cash conversion cycle*) dengan cekap, antara strategi yang boleh diambil oleh firma adalah _____.
- i. melunaskan akaun belum bayar secara perlahan-lahan tanpa merosakkan penarafan kredit firma
 - ii. mengurangkan akaun belum terima secepat mungkin
 - iii. mengurangkan pusingan inventori syarikat
 - iv. mengurangkan masa dalam mengambil pesanan inventori
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

22. Jika kadar faedah pasaran lebih tinggi daripada kadar kupon, bon akan dijual pada harga _____.
- A. par
 - B. diskaun
 - C. premium
 - D. nilai buku
23. Aktiviti manakah akan meningkatkan risiko kewangan syarikat?
- i. Meningkatkan peratusan bon dalam struktur modal.
 - ii. Meningkatkan peratusan saham biasa dalam struktur modal.
 - iii. Meningkatkan peratusan saham terutama dalam struktur modal.
 - iv. Meningkatkan pinjaman jangka panjang dari institusi kewangan.
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii, dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, iii dan iv
24. Anda telah membeli bon dari syarikat korporat, maka status anda adalah _____.
- A. peminjam
 - B. penerbit bon
 - C. pemiutang
 - D. pemegang amanah bon
25. Sebuah bank perdagangan bercadang mengeluarkan bon dengan kadar kupon sebanyak 8%. Jika kadar faedah pasaran adalah 10%, apakah yang perlu dilakukan oleh firma ini untuk menarik minat pelabur untuk membeli bon yang ditawarkan?
- A. Terbitkan bon pada nilai par.
 - B. Terbitkan bon pada harga lebih tinggi daripada nilai par.
 - C. Terbitkan bon pada harga lebih rendah daripada nilai par.
 - D. Terbitkan bon pada nilai buku.
26. Jika nisbah hutang kepada ekuiti (*debt to equity ratio*) adalah 1, ini menunjukkan sesebuah firma mempunyai _____.
- A. jumlah liabiliti sama dengan jumlah ekuiti
 - B. jumlah liabiliti melebihi jumlah ekuiti
 - C. jumlah liabiliti kurang daripada jumlah ekuiti
 - D. firma tidak mempunyai ekuiti

27. Antara berikut, instrumen kewangan manakah merupakan sekuriti hibrid (*hybrid*)?
- A. Saham biasa
 - B. Bon
 - C. Nota Cagamas
 - D. Saham terutama
28. Antara berikut, manakah **BENAR** tentang penggabungan (*merger*) syarikat?
- A. Gabungan dua firma tetapi masih mengekalkan identiti salah satu firma.
 - B. Gabungan dua firma dan membentuk satu syarikat yang baru.
 - C. Gabungan dua firma tetapi syarikat sasaran menjadi anak syarikat.
 - D. Gabungan dua firma tetapi syarikat sasaran menjadi syarikat induk.
29. Kegagalan perniagaan boleh dikelaskan kepada _____.
- i. keuntungan yang negatif
 - ii. jumlah hutang kurang daripada jumlah aset
 - iii. insolvensi secara teknikal
 - iv. bankrap
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, iii dan iv
30. Teknik pengurusan inventori manakah mengelaskan inventori berdasarkan jumlah jualan?
- A. Sistem ABC
 - B. *Just-in-Time*
 - C. Kuantiti Pesanan Ekonomi (*Economic Order Quantity*)
 - D. Sistem Pengkomputeran Kawalan Sumber
31. Pernyataan manakah **TIDAK BENAR** tentang indeks keberuntungan?
- A. Indeks keberuntungan melebihi 1 menunjukkan jumlah nilai kini bersih daripada pelaburan adalah lebih besar daripada kos pelaburan.
 - B. Teknik indeks keberuntungan merupakan kaedah nilai kini bersih yang diukur melalui nisbah.
 - C. Firma akan memilih pelaburan aset bagi indeks keberuntungan kurang dari 1.
 - D. Teknik indeks keberuntungan mengambil kira nilai mata wang bagi aliran tunai.

32. Dividen yang dibayar pada tahun ini adalah RM1.20. Kadar pertumbuhan saham adalah 8%. Jika harga saham ini dijual pada harga RM12.50, berapakah kos saham biasa?
- A. 15.5%
 - B. 16.2%
 - C. 17.6%
 - D. 18.4%
33. Saham XYZ mempunyai beta sebanyak 1.2. Jika kadar bebas risiko 7% dan risiko premium pasaran 6.5%, kira kadar pulangan yang diperlukan.
- A. 14.8%
 - B. 14.4%
 - C. 12.4%
 - D. 13.5 %
34. Berikut merupakan ciri-ciri Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*) **KECUALI**_____.
- A. dijamin oleh kerajaan
 - B. bebas risiko
 - C. selamat
 - D. tempoh matang jangka panjang
35. Sebuah bank pelaburan telah mengeluarkan bon RM1000 nilai par dengan kadar faedah tetap 12%. Tempoh matang bon ini adalah 10 tahun. Jika kadar faedah pasaran adalah 8%, berapakah nilai bon tersebut?
- A. RM805.20
 - B. RM1000.00
 - C. RM1113.20
 - D. RM1268.40
36. Nilai buku aset adalah sama dengan_____.
- A. harga belian aset tolak harga jualan aset pada akhir tempoh pelaburan
 - B. harga belian aset tolak susutnilai tahunan
 - C. harga belian aset tolak susutnilai terkumpul
 - D. harga belian aset tolak aliran tunai tahunan

37. Mengapakah firma menggunakan kaedah tempoh bayaran balik sebagai panduan untuk menerima atau menolak sesuatu projek yang bakal dijalankan?
- A. Kaedah ini mudah dikira dan senang difahami.
 - B. Kaedah ini mengambilkira nilai masa wang.
 - C. Kaedah ini mengambil kira semua aliran tunai yang wujud selepas tempoh bayaran balik.
 - D. Kaedah ini mengambil kira risiko pasaran.
38. Firma sedang menilai projek A yang mempunyai pelaburan awal RM35,000 dan aliran tunai RM10,000 daripada tahun pertama, RM20,000 pada tahun kedua dan RM10,000 pada tahun ketiga. Tempoh bayaran balik bagi projek ini ialah_____.
- A. 1.5 tahun
 - B. 2 tahun
 - C. 2.5 tahun
 - D. 3 tahun
39. 'Bil atau draf yang dikeluarkan dan diterima pakai oleh bank perdagangan, dan dibayar mengikut arahan pembawa bagi satu jumlah tertentu dan pada satu tempoh tertentu'. Instrumen ini merujuk kepada_____.
- A. Bil Perbendaharaan
 - B. Penerimaan Jurubank
 - C. Surat Perdagangan
 - D. Sijil Deposit Boleh Niaga
40. Berikut adalah instrumen sekuriti boleh pasar (*marketable securities*), **KECUALI** _____.
- A. Bil Perbendaharaan
 - B. Penerimaan Jurubank
 - C. Surat Perdagangan
 - D. Bon Jangka Panjang

BAHAGIAN B (WAJIB) [30 markah]
(Jawab SEMUA soalan.)

1. Senaraikan **EMPAT (4)** kebaikan penggabungan syarikat. (4 markah)
2. Mengapakah firma melaksanakan pecahan saham (*stock split*)? Apakah kesan aktiviti ini terhadap nilai tara saham dan bilangan unit saham? (5 markah)
3. Nyatakan **TIGA (3)** kepentingan pengurusan inventori. (6 markah)
4. Nyatakan komponen utama aliran tunai dalam belanjawan modal dan berikan contoh yang bersesuaian bagi setiap komponen. (9 markah)
5. Apakah maksud keumpilan kewangan (*financial leverage*)? Nyatakan kesan perubahan keumpilan kewangan terhadap pendapatan sesaham (*earning per share*). (6 markah)

BAHAGIAN C [30 markah]
(Pilih DUA (2) soalan sahaja.)

SOALAN 1 [15 markah]

Syarikat AAA bercadang membina rangkaian perniagaan baru di Johor. Jadual berikut menunjukkan modal pembiayaan yang akan digunakan untuk projek ini. Kadar cukai korporat adalah 35%.

Sumber pembiayaan	Jumlah pembiayaan projek
Bon Kadar kupon 8%, nilai par RM1000, tempoh matang 5 tahun, harga terbitan 96%	RM 3 juta
Saham terutama Nilai par RM80 dan dividen RM5.00	RM 2 juta
Saham biasa Kadar bebas risiko 5.3%, Beta 1.2 dan risiko premium 7%	RM 5 juta

Berdasarkan maklumat ini, kira;

- (a) kos hutang selepas cukai (5 markah)
- (b) kos saham terutama (2 markah)
- (c) kos saham biasa (3 markah)
- (d) kos modal purata wajaran (4 markah)
- (e) Jika kadar pulangan diperlukan adalah 10%, adakah projek ini patut diteruskan? (1 markah)

SOALAN 2 [15 markah]

ABC Corporation bercadang membeli mesin baru dan kadar pulangan diperlukan bagi pelaburan mesin adalah 10%. Jadual di bawah menunjukkan aliran tunai dan kos permulaan bagi setiap mesin.

Pelaburan	Mesin A	Mesin B
Kos permulaan	(12,000)	(15,000)
Aliran tunai:		
Tahun 1	3000	3000
Tahun 2	3000	4000
Tahun 3	3000	6000
Tahun 4	3000	6000
Tahun 5	3000	6000

Berdasarkan maklumat yang diberi, anda perlu;

- (a) kira nilai kini bersih bagi setiap mesin. (8 markah)
- (b) kira indeks beruntungan bagi setiap mesin. (4 markah)
- (c) tempoh bayaran balik bagi setiap mesin. (3 markah)

SOALAN 3 [15 markah]

- (a) Farid bercadang mempunyai simpanan sebanyak RM500,000 dalam masa 20 tahun akan datang. Kadar faedah simpanan yang ditawarkan oleh bank ialah 5% setahun.
 - (i) Berapakah jumlah wang yang Farid patut simpan sekarang? (2 markah)
 - (ii) Jika Farid menyimpan RM200,000 hari ini, kira kadar faedah yang ditawarkan oleh bank jika beliau ingin mendapatkan jumlah yang dikehendaki. (3 markah)
- (b) Anda telah menyimpan RM5000 setiap tahun selama 5 tahun. Jika kadar faedah untuk pelaburan ini 6%, kira jumlah pelaburan yang akan diterima jika;
 - (i) simpanan ini dibuat pada setiap awal tahun. (4 markah)
 - (ii) simpanan ini dibuat pada setiap akhir tahun. (4 markah)
 - (iii) Bandingkan jawapan i dan ii, jumlah manakah lebih besar dan kenapa? (2 markah)